

UPM juara edisi sulung SUKIPT, UiTM kedua

Oleh AIZAWATI AHMAD


sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Universiti Putra Malaysia (UPM) menutup tirai temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) edisi pertama tahun ini dengan pencapaian cemerlang melalui pungutan 52 pingat emas, 25 perak dan 22 gangsa.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) di tempat kedua dengan 39 emas, 23 perak dan 44 gangsa manakala Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) di tangga ketiga dengan 17 emas, sebutir perak dan lima gangsa.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah ketika menutup temasya SUKIPT selama 15 semalam menyifatkannya berjaya, hasil daripada komitmen 5,000 atlet dan pegawai pasukan dari 101 buah institusi pengajian tinggi (IPT).

"Saya lihat SUKIPT boleh dianggap berjaya. Purata pungutan pingat keseluruhan menunjukkan persaingan sengit dalam setiap acara yang dipertandingkan dan membuktikan kejohanan ini



menjadi medan yang cukup kompetitif bagi atlet yang menuntut di IPT," katanya pada majlis penutup kejohanan itu di UiTM, Shah Alam, semalam.

Selaku juara keseluruhan SUKIPT 2012, UPM menerima piala pusinan dan piala irungan.

Sementara itu, atlet pelapis kebangsaan, Nurul Faizah Asma' Mazlan dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) lakar kejutan ke atas atlet ber-



SAIFUDDIN Abdullah menyampaikan piala kepada Ketua Pusat Sukan UPM, Hamzah Ismail selepas UPM dinobatkan sebagai juara keseluruhan SUKIPT pada majlis penutup di UiTM, Shah Alam semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

status elit, Nurul Sarah Abdul Kadir yang mewakili UPM pada saingan akhir 200 meter wanita semalam.

Nurul Faizah, 21, mencatat masa 26.27 saat untuk merangkul pingat emas pada hari terakhir SUKIPT meninggalkan Nurul Sarah yang sekadar berpuas hati dengan pingat perak setelah mencipta masa larian 26.65s.

Pingat gangsa pula menjadi milik rakan sepasukan Nurul Faizah, Nor Atikah Awang yang melakar

masa 27.29s.

Atlet kelahiran Terengganu itu yang mendapat didikan daripada bekas pelari pecut negara, Nazmizan Muhammad tidak menduga dapat memberikan saingan untuk mengetepikan cabaran seniornya.

"Ini kemenangan pertama saya ke atas Nurul Sarah, sebelum ini saya kerap kecundang kepada. Tetapi kali ini saya sememangnya sudah bersiap sedia untuk cuba bersaing dengannya dan ternyata usaha saya itu berhasil,"

katanya ketika ditemui di Stadium Majlis Sukan Negara (MSN) di sini, semalam.

Kejayaan tersebut bermakna Nurul Faizah membawa pulang empat pingat emas setelah turut memenangi dalam acara 400m, 4x100m dan 4x400m.

Tambahnya, dia berhajat untuk beraksi pada Sukan Universiti ASEAN (AUG) di Laos, Disember ini, selain Sukan SEA di Myanmar pada tahun depan.



NURUL Faizah Asma' Mazlan muncul pemenang acara akhir 200m wanita pada SUKIPT di Bukit Jalil, semalam.